

KEBERKESANAN TEKNIK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN DALAM KALANGAN GURU BAHASA KADAZANDUSUN SEKOLAH RENDAH.

Dr. Norjietta Julita binti Taisin
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
norjietta@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini diusahakan untuk membincangkan keberkesanan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun dalam kalangan guru bahasa Kadazandusun sekolah rendah. Teknik pengajaran merupakan aktiviti-aktiviti yang diatur dalam kaedah dan strategi pengajaran pembelajaran. Dengan pendekatan teori behaviorisme memperlihatkan bahawa teknik pengajaran guru bahasa Kadazandusun dapat ditingkatkan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa proses PdP. Ia berkait rapat dengan pengurusan bilik darjah serta penggunaan sumber atau bahan pengajaran. Justeru, perlakuan dan kemahiran yang digunakan oleh guru menjadikan pengajaran yang lebih bermakna. Kajian ini melibatkan 75 orang guru bahasa Kadazandusun. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS 23.0. Manakala reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah tinjauan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 30 item. Alat statistik yang digunakan ialah min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan darjah persetujuan adalah positif terhadap teknik yang digunakan oleh guru dengan min keseluruhan 3.0. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap pengurusan bilik darjah adalah positif (min =2.96). Manakala dapatan kajian juga mendapati bahawa penggunaan sumber atau bahan pengajaran menyumbang kepada keberkesanan teknik yang digunakan oleh guru melalui aktiviti-aktiviti semasa PdP (min =3.03). Walaupun pada keseluruhannya adalah positif tetapi guru-guru perlu berusaha mengintegrasikan Model Pembelajaran semasa penggunaan sumber atau bahan. Beberapa cadangan telah diketengahkan untuk penambahbaikan tersebut.

Kata Kunci : *Teknik, Pengajaran Dan Pembelajaran, Teori Behaviorisme Dan Kadazandusun.*

PENGENALAN

Perubahan pesat dalam bidang pendidikan yang pada mulanya daripada kurikulum tradisional dan seterusnya mengalami perubahan yang turut dipengaruhi perspektif rangkaian kepada kurikulum moden telah banyak mempengaruhi pendekatan, strategi, kaedah dan teknik guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Dalam KSSR, mata Bahasa Kadazandusun juga memperkenalkan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pada masa kini, terdapat banyak kajian bercorak saintifik terhadap teori pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Walau bagaimanapun masih terdapat banyak persoalan tentang keberkesanan dari segi teknik dan pendekatan yang digunakan terhadap pencapaian mahupun minat dan sikap pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran tersebut. Tambahan pula, dengan adanya perbezaan dari segi kecerdasan, minat, sikap dan kebolehan pelajar. Maka wujudlah masalah, di mana terdapat pelajar yang tidak berminat terhadap sesuatu mata pelajaran yang diajar oleh guru.

Kenyataan tersebut selaras dengan Norjietta Taisin (2004), peranan guru dalam menentukan teknik pengajaran dan pembelajaran sangat penting. Teknik yang digunakan merupakan satu landasan yang mampu mewujudkan rangsangan kepada murid. Justeru, guru-guru disarankan agar dapat menyusun dan merancang aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka dengan baik, terutamanya dari segi pemilihan, penyesuaian bahan pengajaran dan juga pengurusan bilik darjah.

Mata pelajaran bahasa Kadazandusun dalam sistem pendidikan Malaysia mempunyai banyak tujuan khasnya di negeri Sabah. Antaranya ialah agar pelajar yang mengambil subjek ini mampu menggunakan bahasa tersebut untuk berkomunikasi dengan baik, menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara dan seterusnya dapat meneruskan warisan budaya kadazandusun selari dengan peningkatan di Malaysia (KPM, 2005).

Bahasa Kadazandusun adalah istilah yang diguna pakai bagi pembakuan bahasa dalam rumpun dusunik. Istilah ini digunakan secara meluas di seluruh negeri Sabah setelah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun dimulakan pada 17 Februari 1997 di sekolah rendah bermula pada murid Tahun Empat. Dengan terlaksananya pengajaran bahasa Kadazandusun sebagai satu mata pelajaran maka pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum untuk memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut. Ini termasuklah memberi latihan jangka masa pendek secara berperingkat kepada guru-guru yang

terlibat. Juga usaha untuk menerbitkan buku-buku yang berkaitan khasnya dalam pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya.

LATAR BELAKANG

Selepas 17 tahun diajar secara formal di sekolah-sekolah termasuk dinilai di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pembelajaran bahasa Kadazandusun ‘diangkat’ ke tahap lebih tinggi menerusi tawaran pengajian Ijazah Sarjana Muda di Institut Pendidikan Guru, juga turut ditawarkan sebagai kursus minor di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ini bertujuan memastikan lahirnya guru yang berdaya saing dan berjiwa pendidik dengan pelbagai strategi dan pendekatan bersepadu dalam PdP.

Terdapat tiga bahasa etnik yang sudah ditawarkan di sekolah-sekolah kerajaan, iaitu, bahasa Kadazandusun, bahasa Iban dan bahasa Semai. Ketiga-tiga bahasa ibunda tersebut ditawarkan berikutan penawaran bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran tambahan di sekolah. Pada masa ini, ketiga-tiga mata pelajaran bahasa ibunda tersebut dikategorikan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah (Unit Bahasa Etnik, 2010). Bahasa Kadazandusun ditawarkan di sekolah-sekolah yang terdapat di Sabah, bahasa Iban ditawarkan di negeri Sarawak dan bahasa Semai pula ditawarkan di negeri Perak dan Pahang (Unit Bahasa Etnik, 2007). Bahasa Kadazandusun ialah bahasa yang dituturkan oleh kaum kadazandusun di Sabah. Kaum Kadazandusun merupakan kumpulan etnik terbesar negeri Sabah (Unit Bahasa Etnik, 2010).

Guru memainkan peranan penting dalam pembentukan perkembangan pembelajaran murid-murid di sekolah, dengan kata lain guru menyampaikan ‘bahan mentah’ yang ditetapkan oleh sistem pendidikan. Seterusnya dalam memilih teknik pengajaran termasuklah pengaplikasian pelbagai kemahiran termasuklah mata pelajaran bahasa Kadazandusun, kebijaksanaan gurulah yang memastikan sama ada sesuatu teknik itu relevan atau sebaliknya berdasarkan tahap murid-murid khasnya murid sekolah rendah (Norjietta Julita Taisin, 2011).

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa guru harus menyedari bahawa kebolehan semula jadi yang ada pada murid-murid untuk berbahasa membolehkan mereka menganalisa pertuturan yang mereka dengar. Ada kalanya murid-murid berkemampuan membentuk ayat-ayat mereka sendiri walaupun ayat-ayat itu belum pernah mereka dengar sebelumnya. Justeru, tidak dapat dinafikan kebolehan semula jadi seseorang murid menyebabkan mereka menjadi begitu kreatif dalam penggunaan bahasa. Ini berkait rapat dengan falsafah teori kognitif yang menekankan bahawa pembelajaran sesuatu bahasa merupakan proses mental.

Sehubungan dengan itu, guru perlu menggunakan pengetahuan bahasa murid-murid dalam masa merancang dan menentukan bahan-bahan pengajaran yang diajar kemudian. Sementara itu teknik, latihan tubi atau latihan-latihan yang tertumpu pada struktur-struktur bahasa dapat membantu hasil pembelajaran yang baik khasnya dalam kemahiran mendengar dan bertutur (Kamarudin Hj.Husin, 1998: 46).

Manakala, pemilihan terhadap bahan-bahan pengajaran khasnya bahasa , guru haruslah melihat kesesuaian lingkungan kebolehan minat dan tahap murid khasnya murid-murid sekolah rendah. Ini selaras dengan kajian-kajian terhadap pemerolehan bahasa pertama bahawa kanak-kanak sering membuat kesilapan-kesilapan bahasa yang umum pada peringkat umur tertentu. Justeru, guru perlu memberikan perhatian pada kesalahan-kesalahan tersebut dan membetulkannya. Ujaran-ujaran harus mudah difahami dengan sebutan yang jelas. Misalnya dari segi sebutan yang hampir sama, murid berkemungkinan besar tidak dapat membezakannya seperti perkataan ‘bagi dan pagi’, lobak dan lopak, kabus dan kabut dan sebagainya.

Demikian juga halnya dengan pengajaran subjek Bahasa Kadazandusun, juga harus berlaku dalam satu suasana yang bermakna. Dengan pengaplikasian teknik dalam mengajar kemahiran mendengar dan bertutur, sekiranya guru dapat menyampaikan pengajaran dalam bentuk aktiviti-aktiviti yang bermakna dengan menggunakan teknik seperti bersoal jawab, teka-teki, berlakon dan sebagainya, ia dapat merangsang minat murid dan seterusnya dapat memperbaiki sebutan perkataan dengan baik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pendidikan bahasa Kadazandusun sekolah rendah menggalakkan penggunaan pelbagai teknik mengajar. Guru boleh memilih pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut kebolehan murid. Namun kekangan guru dalam pengaplikasian kaedah, strategi dan teknik pengajaran bahasa menyebabkan objektif pengajaran tidak tercapai dalam waktu yang telah dirancang. Selaras dengan kenyataan, Sharifah Alsagof (1996) kaedah mengajar ialah peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancang dengan teratur. Seandainya kaedah mengajar tidak dirancang dengan teratur akan menyumbang kepada kemerosotan pencapaian pelajar.

Pengajaran merupakan suatu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas yang bertujuan menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu. Malah ia melibatkan beberapa kaedah, teknik dan strategi yang perlu diaplikasikan oleh setiap guru. Namun berlaku kekangan

seandainya pendekatan tersebut yang terangkumnya kaedah strategi dan teknik tidak dikuasai oleh guru mengikut kesesuaian tahap murid. Ini turut disokong oleh Mok Soon Sang (1996), perubahan sistem pendidikan memerlukan golongan guru mengubah diri ke arah pandangan, sikap, kemahiran yang berkualiti melalui teknik pengajaran.

Sementara itu, guru-guru bahasa Kadazandusun yang sedia ada terdiri daripada guru-guru mata pelajaran lain seperti guru bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Sains, Pendidikan Seni, Matematik dan lain-lain lagi. Guru-guru tersebut merupakan guru-guru kaum Kadazandusun yang diarahkan oleh pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Keadaan ini sudah tentu menimbulkan beberapa kekangan dari segi pendekatan, kaedah strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran. Ini turut disokong kajian Zamri Mahamod & Magdeline anak Nor (2012) semua guru bahasa Iban sekolah menengah di Sarawak bukan pengkhususan dalam bahasa Iban (Unit Bahasa Etnik 2010), mendapati PPK mereka dipengaruhi oleh disiplin ilmu masing-masing.

Demikian juga dari segi pengurusan bilik darjah seperti kawalan kelas murid yang terlalu ramai, penyediaan bahan pengajaran yang melibatkan ICT, pengelolaan dan mengurus rutin bilik darjah sering memberi kekangan guru kerana faktor-faktor tertentu. Misalnya kesuntukan masa manakala dalam masa yang sama guru harus melaksanakan PdP. Situasi ini menyebabkan objektif pengajaran tidak tercapai kerana teknik tidak dapat diaplikasikan mengikut pendekatan yang telah dirancang.

Ini turut disokong oleh Norjietta Taisin (2012), mendapati bahawa guru-guru bahasa Kadazandusun kurang mahir dari segi penyediaan bahan bantu mengajar yang melibatkan perkakasan ICT iaitu sebanyak 68% guru-guru yang kurang mahir kerana ia mengambil masa khasnya sekolah pedalaman yang tidak mempunyai prasana yang mencukupi. Sementara itu, pengurusan rutin bilik darjah yang berkaitan dengan organisasi kelas, kebajikan pelajar, mengutip yuran dan sebagainya juga memberi kekangan kepada guru-guru, beliau mendapati bahawa 65% guru-guru yang mengatakan bahawa beban tugas lain di sekolah menghalang proses PdP mereka menyebabkan aktiviti pengajaran terbatas kepada sesuatu teknik tertentu.

Menyentuh tentang suasana fizikal bilik darjah dapat dikaitkan dengan Laporan Pertubuhan Pendidikan Kebangsaan Amerika Syarikat (2001) yang menyatakan bahawa pengurusan bilik darjah adalah satu proses untuk memastikan pelajaran dalam bilik darjah berjalan dengan lancar walaupun pada masa yang sama berlaku gangguan

daripada tingkah laku murid. Ramai yang mengatakan pengurusan bilik darjah merupakan aspek yang paling sukar. 36% guru di Amerika menyatakan bahawa mereka tidak akan menjadi guru sekiranya mereka tahu akan menghadapi masalah dalam pengurusan bilik darjah. Justeru, kekangan timbul sekiranya pengurusan bilik darjah yang tidak teratur seperti susun atur kerusi meja, menampal BBM, kawalan murid, pengurusan masa dan sebagainya.

Sementara itu, penggunaan sumber atau bahan pengajaran juga, merupakan cabaran pendidikan kini yang mengalami gelombang perubahan dengan wujudnya kurikulum dan mata pelajaran bahasa Kadazandusun yang telah diajar secara formal selepas 18 tahun di negeri Sabah. Ini termasuk dinilai di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan seterusnya ke tahap lebih tinggi menerusi penawaran pengajian Ijazah Sarjana Muda di peringkat universiti dan Institut Pendidikan Guru. Justeru, penggunaan BBM perlulah dititik beratkan agar murid-murid mampu menjadikan mata pelajaran bahasa Kadazandusun sebagai subjek yang diminatinya. Namun timbul kekangan kerana sumber rujukan dalam pengajaran bahasa Kadazandusun masih kurang seperti penggunaan pakej perisian yang telah sediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum seperti mana mata pelajaran lain.

Kekurangan kajian berkaitan pengetahuan penguasaan pedagogi yang melibatkan kaedah, strategi dan teknik dalam mata pelajaran bahasa Kadazandusun merupakan salah satu faktor kajian ini perlu dijalankan. Ini selaras dengan Solis (2009), yang menyatakan bahawa tanpa sesuatu kajian boleh menyebabkan idea akan terhad untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran, terutama untuk memahami hubungan antara pengetahuan, pendekatan, kaedah, strategi, teknik pengajaran dan pembelajaran murid. Justeru kajian seperti ini amat perlu dijalankan agar setiap kelemahan atau kekuatan dapat dikenal pasti dan seterusnya diperbaiki atau dilaku penambahbaikan.

Justeru, kajian perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti beberapa kelemahan yang wujud dan meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru bahasa Kadazandusun agar cadangan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dikemukakan bagi tindakan semua yang terlibat dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran dalam subjek tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang diketengahkan untuk perbincangan ini:

1. Menenalpasti keberkesanan penggunaan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun dalam kalangan guru-guru bahasa Kadazandusun

2. Mengenalpasti tahap pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Kadazandusun dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
3. Mengenalpasti tahap penggunaan sumber atau bahan pengajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah keberkesanan penggunaan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun dalam kalangan guru-guru bahasa Kadazandusun?
2. Sejauh manakah tahap pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Kadazandusun semasa proses pengajaran dan pembelajaran?
3. Sejauh manakah tahap penggunaan sumber atau bahan pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran?

METODOLOGI

Perbincangan ini mengetengahkan secara keseluruhan keberkesanan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun dalam kalangan guru bahasa Kadazandusun sekolah rendah. Terangkumnya penelitian berkaitan pengurusan bilik darjah dan penggunaan sumber atau bahan pengajaran. Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk kuantitatif. Data kajian dikumpul menggunakan borang soal selidik. Kaedah ini sesuai digunakan bagi mengetahui sikap seseorang (Mohamad Najib, 2003). Sampel kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar subjek bahasa Kadazandusun sekolah rendah di daerah Ranau. Semua maklumat yang telah diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan dianalisa dengan menggunakan *Statistical Package For Science Social (SPSS 23.0)*. Data kajian ini telah diproses dan dianalisis menggunakan teknik analisa min dan sisihan piawai bagi mendapatkan keputusan kajian.

PERSPEKTIF TEORI

Teori pembelajaran merupakan penerapan prinsip-prinsip teori belajar, teori tingkah laku, dan prinsip-prinsip pembelajaran dalam usaha mencapai tujuan belajar. Belajar merupakan suatu kumpulan proses yang bersifat individual, yang merubah stimuli yang datang dari lingkungan seseorang ke dalam sejumlah informasi yang dapat menyebabkan adanya hasil belajar dalam bentuk ingatan jangka panjang. Kemampuan yang merupakan hasil belajar dapat dikategorikan bersifat praktis dan teoretis. Kejadian-kejadian dalam pembelajaran yang mempengaruhi proses belajar dapat dikelompokkan ke dalam kategori-kategori umum, tanpa memperhatikan hasil belajar yang diharapkan.

Dalam kajian ini, teori behaviorisme yang diketengahkan dan hanya dijadikan rangkuman menyeluruh sebagai sokongan keberkesanan kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Kadazandusun kerana secara tidak langsung teori tersebut merentas kepada keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran berdasarkan isu kajian yang berikut:

- Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun.
- Tahap pengurusan bilik darjah
- Penggunaan sumber atau bahan pengajaran.

TEORI BEHAVIORISME

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz 2009, teori behaviorisme yang beranggapan bahawa bahasa diperolehi melalui proses pengulangan bahasa. Ia dikuasai melalui rangsangan dan gerak balas. Golongan dalam teori ini mementingkan pengukuhan dalam pembelajaran yang dapat ditimbulkan melalui ganjaran. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa, teori ini menegaskan latihan dan latih tubi pola (bermula daripada senang kepada yang lebih susah) .

Kamarudin Hj. Husin (1988), teori behaviorisme juga menekankan kemahiran lisan dalam pengajaran. Prinsip-prinsip pengajaran bahasa dari golongan ini adalah dari pandangan dan pendapat ahli-ahli psikologi dan linguistik aliran Behaviorisme. Golongan ini beranggapan bahawa:

1. bahasa yang diutamakan ialah bahasa lisan manakala bahasa tulisan merupakan bahasa kedua penting. Ahli-ahli Behavioris memenegaskan bahawa pengajaran bahasa mestilah didahulukan bahasa lisan. Kemudiannya pembelajaran bahasa tulisan yang dianggap perkara penting yang kedua dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermakna guru-guru mestilah berusaha untuk membolehkan murid-murid bertutur dalam bahasa itu dahulu dan kemudian baharulah kepada pengajaran membaca dan menulis setelah murid-murid dapat menguasai sistem bahasa dan struktur bahasa.
2. Bahasa adalah satu tabiat. Prinsip ini sesuai diterapkan dalam proses pembelajaran kedua. Latihan dan latih tubi serta perbualan bahasa turut diutamakan. .Guru perlu menyusun pelajaran dengan baik dan pengajaran dimulakan daripada pola-pola yang senang kepada yang lebih susah
3. Pengukuhan adalah satu syarat penting di dalam pembelajaran yang merupakan satu alat untuk menentukan pembentukan tingkah laku yang dikehendaki. Dalam

situasi pembelajaran bahasa, pujian, keistimewaan, pengiktirafan, maklum balas, galakan dan lain-lain bertindak sebagai pengukuh. Mengikut prinsip ini, sesuatu gerak balas yang betul perlu diteguhkan oleh guru dengan cara memberi pengukuhan seperti yang disebutkan di atas

4. Latihan pembelajaran adalah latihan yang dikukuhkan. Hal ini merupakan latihan ulangan satu-satu gerak balas dengan satu-satu rangsangan. Latihan dan latih tubi hendaklah dilakukan dalam keadaan yang bermakna. Ini adalah untuk mengelakkan pelajaran tersebut menjadi bosan. Peneguhan boleh dilanjutkan oleh guru melalui penggunaan bahan-bahan makmal bahasa. Dalam hal ini, satu model pembelajaran telah dikemukakan oleh Behaviorisme iaitu :Latihan yang dikukuhkan melalui

-> Pembelajaran -> perubahan tingkah laku

5. Model-model bahasa yang terbaik haruslah diutamakan. Dalam konteks pembelajaran bahasa di sekolah-sekolah. Bahasa guru menjadi model yang diikuti oleh murid-murid. Jika model-model ini menggunakan bahasa yang sama atau mirip-mirip sama dengan bahasa matlamat, maka ini akan menguntungkan pelajar-pelajar itu.
6. Mewujudkan operasi rangsangan dan tindak balas dalam proses pembelajaran. Bahasa adalah hasil operasi rangsangan dan tindak balas. Pembelajaran bahasa akan lebih berkesan jika kedua-dua unsur ini dapat diwujudkan. Selain bertujuan menghasilkan satu pembentukan tingkah baru yang berkesan, ia juga boleh bertindak sebagai daya penggerak dan meningkatkan minat serta motivasi.

Menurut teori Behaviorisme, ada beberapa cara yang boleh dilakukan oleh guru untuk mempelbagaikan situasi rangsangan:

- i. Mempelbagaikan tingkah laku. .
- ii. Mempelbagaikan pengalihan saluran deria,
- iii. Mempelbagaikan pola interaksi guru dan murid
- iv. Mempelbagaikan pendekatan, kaedah, teknik, strategi dan pengurusan bilik darjah dan bahan bantu mengajar.

Berdasarkan teori ini terdapat satu pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa iaitu melalui pendekatan induktif. Pendekatan

induktif ialah memulakan sesuatu pengajaran itu dengan memberikan contoh-contoh terlebih dahulu dan kemudian baharulah diterangkan.

Menurut Gagne (1977), belajar sebagai suatu proses perubahan tingkah laku yang meliputi perubahan kecenderungan manusia seperti sikap, minat, atau nilai dan perubahan kemampuannya yakni peningkatan kemampuan untuk melakukan berbagai jenis *performance* (kinerja). Sementara, Sunaryo (1989:1), Belajar adalah suatu kegiatan dimana seseorang membuat atau menghasilkan suatu perubahan tingkah laku yang ada pada dirinya dalam pengetahuan, sikap dan keterampilan.

Teori Behaviorisme merupakan teori yang menyatakan bahawa belajar adalah perubahan dalam tingkah laku sebagai akibat dari interaksi antar stimulus dan respon. Pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku kekal yang dihasilkan daripada pengalaman atau latihan (William & Anadam, 1973).

Teori pembelajaran mengatakan bahawa pembelajaran merupakan satu proses pelaziman, di mana hubungan antara rangsangan luar dengan tindak balas individu dapat dibina untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang kekal. Tokoh-tokoh mazhab behaviorisme seperti Pavlov, Thorndike dan Skinner berpendapat bahawa pembelajaran merupakan suatu tingkah laku yang boleh diperhatikan, dikawal dan diramal.

Dari perspektif behaviorisme, pembelajaran hanya bermula apabila wujudnya tindak balas terhadap suatu rangsangan yang diberi. Proses pembelajaran akan diteruskan jika terdapat motivasi ekstrinsik yang sesuai (sama ada peneguhan positif atau negatif) sementara pembelajaran dikatakan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikekalkan (C. Asri Budiningsih, 2005).

Behaviorisme merupakan satu pendekatan pemikiran yang menekankan peranan pengalaman dalam mengawal tingkahlaku. Menurut ahli-ahli behaviorisme, proses-proses penting yang mengawal tingkahlaku ini adalah dipelajari. Kedua-duanya, iaitu dorongan yang membangkitkan tingkahlaku serta tingkahlaku tertentu yang dibangkitkan daripada dorongan ini dipelajari melalui interaksi dengan persekitaran (Sukarjo dan Ukim Komarudin, 2012).

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah satu set borang soal selidik yang digubal sendiri oleh pengkaji berdasarkan sumber yang dikenal pasti

daripada kajian Tajip Tasaan (2010), kajian Julita Norjietta Taisin (2012), kajian Ismail (2002) , Lim Ser Yen (2005), Bahagian Buku Teks KPM (2005) dan Jemaah Nazir Sekolah KPM (2003). Bahan tersebut dikaji dengan teliti dan dijadikan sebagai panduan kerana mempunyai item-item tertentu yang hampir sama dengan persoalan kajian ini. Berdasarkan maklumat tersebut, item-item soal selidik daripada kajian-kajian tersebut telah diubah suai mengikut keperluan kajian ini.

Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan daripada subjek berkenaan. Penggunaan set soal selidik memudahkan kajian disamping melibatkan masa dan kos yang minimum. Ini disokong oleh Mohamad Najib (1999) yang menjelaskan bahawa kajian yang berbentuk kuantitatif tinjauan penggunaan borang soal selidik adalah lebih mudah dan efektif. Mohd. Sheffie (1991) menjelaskan bahawa, soal selidik merupakan nadi kepada kaji selidik. Yakini, ia merupakan pengganti diri pengkaji serta penghubung di antara pengkaji dan responden. Pemilihan instrumen ini juga bertepatan dengan pandangan Colombo Plan (1984) yang menyatakan bahawa borang soal selidik merupakan instrumen kajian yang sering digunakan oleh penyelidik dalam kajian deskriptif.

Mohd.Majid (1994), menyatakan bahawa soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan terutama populasi yang besar. Selain itu, ia juga digunakan untuk mendapatkan semua maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan lain-lain.

Item-item yang terdapat dalam borang soal selidik ini dibina oleh pengkaji sendiri kerana Khalid Johari (2003) berpendapat penggunaan borang soal selidik merupakan antara alat-alat pengumpulan data yang banyak digunakan oleh pengkaji-pengkaji. Atas alasan ini kerana soal selidik dapat mengumpul data secara terperinci dan tersusun serta instrumen ini mudah ditadbir, menjimatkan masa, tenaga, fikiran dan kos pengkaji semasa mengumpul data.

DAPATAN KAJIAN

Hasil perbincangan mendapati bahawa bahawa teknik pengajaran guru bahasa Kazandusun dapat ditingkatkan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa proses PdP. Ia berkait rapat dengan pengurusan bilik darjah serta penggunaan sumber atau bahan pengajaran. Kajian ini melibatkan 75 orang guru bahasa Kadazandusun. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS 23.0. Manakala reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah tinjauan deskriptif dengan menggunakan borang

soal selidik yang mengandungi 30 item. Alat statistik yang digunakan ialah min dan sisihan piawai.

Berdasarkan dapatan keseluruhan dalam konstruk keberkesanan teknik, menunjukkan bahawa darjah persetujuan adalah positif dengan min keseluruhan 3.0. Ia berkait rapat dengan teori behaviorisme yang menyatakan bahawa latihan pembelajaran adalah latihan yang dikukuhkan. Hal ini merupakan latihan ulangan satu-satu gerak balas dengan satu-satu rangsangan. Latihan dan latih tubi hendaklah dilakukan dalam keadaan yang bermakna. Ini adalah untuk mengelakkan pelajaran tersebut menjadi bosan. Peneguhan boleh dilanjutkan oleh guru melalui penggunaan bahan-bahan makmal bahasa. Dalam hal ini, satu model pembelajaran telah dikemukakan oleh Behaviorisme iaitu : Latihan yang dikukuhkan melalui -> Pembelajaran -> perubahan tingkah laku. (Kamarudin Hj. Husin 1988).

Kajian ini mendapati bahawa kerkesanan guru dalam mengaplikasikan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun berada di tahap tinggi kerana mampu membantu murid menguasai penggunaan tatabahasa, pembentukan ayat, menulis karangan dan bertutur dengan baik dalam bahasa Kadazandusun. Dengan penguasaan guru dari segi pendekatan, strategi, kaedah dan teknik menyumbang kepada pengajaran yang positif. Kekreatifan guru dalam mempelbagaikan aktiviti mampu menarik minat murid, memotivasikan murid dan seterusnya berlaku perubahan tingkah laku. Walau bagaimana pun guru seharusnya tidak tertumpu pada teknik latih tubi, bercerita, permainan bahasa dalam melaksanakan aktiviti dalam kelas.

Justeru penyelidik beranggapan responden telah berusaha mengguna pendekatan, strategi, kaedah dan teknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walau pun terdapat kekangan tertentu seperti faktor murid itu sendiri yang berbeza tahap penguasaan, guru yang kurang menguasai pendekatan dalam merancang pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya

Manakala berdasarkan kepada objektif kajian yang kedua berkaitan dengan tahap pengurusan bilik darjah mendapati min =2.96. Justeru, kajian ini mendapati bahawa guru masih sederhana sebagai pengurus bilik darjah yang bijak dari segi perancangan pengajaran dan pembelajaran kerana hanya berada pada tahap sederhana. Justeru, konstruk pengurusan kebajikan murid perlu diberi pertimbangan agar tidak membebankan guru kerana ia sedikit sebanyak menjejaskan pengajaran guru dalam melaksanakan PdP berdasarkan kaedah yang telah dirancang.

Berdasarkan objektif kajian yang ketiga berkaitan dengan penggunaan sumber atau bahan kajian juga mendapati kepada keberkesanan teknik yang digunakan oleh guru melalui aktiviti-aktiviti semasa PdP (min =3.03). Walaupun pada keseluruhannya adalah positif tetapi guru-guru perlu berusaha mengintergrasikan Model Pembelajaran semasa menggunakan sumber atau bahan.

Justeru, kajian ini mendapati bahawa penggunaan sumber dan bahan terutama pengaplikasian teknologi ICT masih kurang dikuasai oleh guru-guru. Kursus dan latihan perlu diberikan kepada guru-guru agar mahir dan sentiasa menggunakan teknologi dalam PdP mengikut kesesuaian. Justeru, peranan grafik juga tidak boleh diketepikan begitu sahaja kerana ia memudahkan murid memahami terutamanya mengajar membaca.

RUMUSAN

Pendekatan, strategi, kaedah dan teknik harus dikuasai oleh guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran . Keadaan ini akan memandu murid untuk memberi tumpuan sepenuhnya dalam pembelajaran kerana akan menjadikan mereka seronok dan terangsang untuk melibatkan diri sepenuhnya. Keberkesanan pengajaran guru bukan sahaja mampu mendorong murid menguasai kemahiran dalam subjek bahasa Kadazandusun malah murid mampu mengaplikasikannya sehingga mendorong pembinaan tingkah laku yang baru. Justeru, kaedah dan strategi dengan kombinasi berpusatkan guru, murid dan bahan secara tidak langsung dapat mengaitkan konsep-konsep yang baru dengan pengalaman-pengalaman yang baru dan seterusnya proses pembelajaran akan menjadi lebih jelas dan bermakna. Penerangan dan penjelasan guru tentang sesuatu perkara akan lebih mudah difahami dengan dibantu oleh pelbagai bahan pengajaran termasuklah pengurusan bilik darjah yang baik. Justeru, secara keseluruhannya, impak daripada kajian ini memberi sumbangan ilmu kepada dunia pendidikan bahasa Kadazandusun bahawa kombinasi kaedah yang digunakan oleh guru semasa PdP dibantu dengan pengurusan bilik darjah khasnya dalam perancangan pengajaran dan penggunaan sumber atau bahan memberi keseimbangan untuk mencapai pembelajaran abad ke 21 yang menyediakan murid untuk bersaing diperingkat global. Justeru guru-guru harus merealisasikan kurikulum kebangsaan untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermatlamat, patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan.

RUJUKAN

- Creswell, J.W. 2005. Education Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (2nd.ed) New Jersey: Pearson
- Denzin, N.K., Lincoln.Y.S (Eds).2000. Handbook Of Qualitative Research (2nd.ed).Thousand Oaks. CA: Sage.
- Kamarudin Hj.Husin. 1998. Pedagogi Bahasa Perkeadahan. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Kamarudin Hj.Husin. 1988. Pedagogi Bahasa. Selangor Darul Eshan: Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah Rendah. Kuala Lumpur :Pusat Perkembangan Kurikulum
- Norjietta Julita Binti Taisin. 2011. Kesiediaan Guru Bahasa Kadazandusun Terhadap Penggunaan Pakej Perisian Dalam Pengajaran dan Pelajaran . Satu Tinjauan. Universiti Pendidikan Sultan Idris :Geran Penyelidikan Universiti.
- Raminah Hj.Sabran & Rahim Syam. 1985. Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti
- Tajip Bin Tasaan. 2010. Keberkesanan Penggunaan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Melayu. Universiti Malaysia Sabah: Tesis sarjana